


MEMBANTU MENINGKATKAN KEMAHIRAN MURID MENGHAFAL AYAT AL-QURAN MENGGUNAKAN HALAQAH I-VAK

***Noor Syafrizal**

Sekolah Menengah IMTIAZ Yayasan Terengganu Kemaman, Terengganu

Article Info	ABSTRAK
<p>Article history:</p> <p>Received: 6 Jan 2025 Revised: 30 Jan 2025 Accepted: 15 Feb 2025 Published: 15 March 2025</p>	<p>Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) dan Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) merupakan salah satu kurikulum yang telah diperkenalkan di beberapa buah sekolah bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Fokus kajian ini adalah untuk mewujudkan kelas hafazan yang mempunyai pelbagai alatan serta kaedah yang sesuai bagi membimbing murid yang mempunyai kecenderungan gaya pembelajaran yang berbeza-beza. Bagi memenuhi keperluan itu, Halaqah I-VAK yang menggunakan konsep V (Visual), A (Auditori), dan K (Kinestetik) diwujudkan bagi membantu murid menghafal ayat Al-Quran sekurang-kurangnya satu muka surat dalam tempoh satu hari. Tinjauan awal telah dilakukan dengan menggunakan kaedah pemerhatian dan temubual. Tinjauan ini mendapati tujuh orang daripada murid tingkatan 3 tidak dapat mencapai hafazan satu muka surat satu hari secara konsisten. Aktiviti yang dijalankan adalah dengan menggunakan alat yang sesuai mengikut kecenderungan gaya pembelajaran yang berbeza ketika menghafal al-Quran. Setelah menggunakan kaedah hafazan Halaqah I-VAK, tujuh orang murid tersebut telah berjaya menghafal satu muka surat satu hari bersamaan 20 muka surat dalam tempoh sebulan bahkan lebih daripada itu. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kemahiran menghafal murid berjaya ditingkatkan setelah menggunakan kaedah hafazan yang sesuai dengan gaya pembelajaran murid. Kesimpulannya, Halaqah I-VAK bukan sahaja dapat mengatasi masalah pembelajaran murid dalam hafazan al-Quran malah dapat menggilap kreativiti guru.</p>
<p>Keywords:</p> <p>Halaqah I-VAK visual auditori kinestetik</p> <p> OPEN ACCESS</p>	

***Corresponding Author:**

Email: g-96390226@moe-dl.edu.my



Creative Commons Attribution 4.0 International

Doi: 10.5281/zenodo.14997588

PENGENALAN

Merujuk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 10 Tahun 2023, mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Pusat (JKP) Bilangan 3 Tahun 2012 bertarikh 26 Jun 2012, dan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan (JPP) Ke-200, Bilangan 3 Tahun 2012 bertarikh 27 Julai 2012 meluluskan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) sebagai Kurikulum Kebangsaan. Kurikulum ini juga diperkenankan dan dipersetujui oleh Mesyuarat Majlis Raja-Raja kali ke-231 bertarikh 27 Februari 2013. Matlamat pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) adalah bertujuan untuk melahirkan golongan huffaz yang mengamalkan ajaran Islam dan memiliki pelbagai kemahiran ilmu selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Justeru, pelaksanaan kurikulum ini memerlukan setiap murid untuk menghafal 30 juzuk al-Quran sepanjang pembelajaran mereka di sekolah berkenaan.

Bagi murid yang baru menghafal al-Quran, semestinya mereka sedang mencari kaedah hafazan yang sesuai dengan diri mereka untuk membantu mereka memenuhi target bulanan hafazan sekurang-kurangnya satu juzuk satu bulan agar mereka dapat mencapai sukatan tahunan yang ditetapkan. Sekiranya, mereka merasakan wujudnya kekangan untuk menghafal al-Quran, maka akan terbitnya rasa malas dan bosan serta tidak minat untuk menghafal al-Quran. Di samping itu, kelemahan guru dalam menguasai ilmu kemahiran teknik hafazan yang terkini seperti teknik hafazan al-Baghdadi, dan lain-lain juga menyukarkan proses pembelajaran dan pemudahcaraan bagi subjek Hifz al-Quran. Oleh yang demikian, pengkaji telah merancang untuk memerihalkan Halaqah I-VAK yang menggunakan pelbagai alat yang sesuai berlandaskan kepada teori kepelbagaian gaya pembelajaran murid yang berbeza mengikut individu sebagai satu usaha dalam membantu murid meningkatkan kemahiran hafazan mereka.

Halaqah I-VAK ini adalah satu pembelajaran kelas hafazan yang dilengkapi dengan alat-alat yang pelbagai serta sesuai mengikut kecenderungan gaya pembelajaran individu murid. Hal ini kerana setiap orang mempunyai gaya pembelajaran dan kekuatan yang tersendiri (Kenneth & Dunn, 1984). Menurut Abdul Wahab (2015), setiap individu mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri dan berbeza. Kaedah ini dilihat sebagai kaedah pemula untuk membimbing mereka yang mula ingin menghafal al-Quran dengan cara yang lebih santai dan seronok. Kaedah hafazan ini juga memerihalkan kaedah hafazan yang mengikut kesesuaian dan kepelbagaian gaya pembelajaran murid secara individu sama ada gaya pembelajaran visual, auditori atau kinestetik.

TINJAUAN LITERATUR

Pengkaji merupakan seorang Guru Tahfiz sejak tahun 2017. Kerjaya bermula sebagai Guru Tahfiz di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kota Kinabalu dan kini sedang berkhidmat di Sekolah Menengah IMTIAZ Yayasan Terengganu Kemaman. Sepanjang pengajaran di Sekolah Menengah IMTIAZ Yayasan Terengganu Kemaman, pengkaji mendapati murid halaqah (Tingkatan 3) 2021 belum menguasai teknik hafazan sepenuhnya sehingga mereka mula berasa bosan dan tertekan. Hal ini demikian kerana mereka belum menjumpai kaedah hafazan yang sesuai dengan gaya pembelajaran mereka walaupun telah menghafal sejak tingkatan 1.

Di samping itu, sebagai guru Halaqah, pengkaji berasa bimbang terhadap prestasi hafazan murid yang tidak memenuhi target satu juzuk bersamaan 20 muka surat dalam tempoh satu bulan. Pengkaji juga menemukan jalan buntu dalam membantu murid untuk lebih fokus ketika proses menghafal. Pengkaji juga pada awalnya telah cuba mengaplikasikan kaedah hafazan tradisional menggunakan denda seperti dalam kaedah hafazan Deobandy di India (Abdul Hafiz, 2005). Walau bagaimanapun, ia tidak dapat membantu dalam pelaksanaan Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) dalam bilik halaqah khususnya bagi subjek Hifz al-Quran bahkan menambah lagi tekanan kepada murid. Kekurangan pengkaji dalam menguasai teknik hafazan yang kontemporari telah menyukarkan pengkaji dalam membantu melancarkan proses pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran abad ke 21 (Saiful Bahrin dan Zubaidah, 2016). Menurut Sedek dan Siti Sarah Wahidah (2014), antara kaedah hafazan kontemporari yang terdapat di Malaysia adalah kaedah hafazan al-Quran Deobandy dari India, kaedah hafazan al-Quran Panipati dari Pakistan dan teknik hafazan daripada Turki (Sedek dan Siti Sarah Wahidah, 2014).

Dalam kajian sebelum ini, pengkaji telah mencipta kaedah Hafazan 3R (Read, Repeat, Remember) yang menggunakan warna sebagai terapi untuk tarikan bagi otak manusia (Gregory, 2014). Setelah menggunakan kaedah Hafazan 3R ini kepada murid dalam kajian kali ini, ternyata hanya murid yang dikategorikan sebagai murid visual sahaja dapat menghafal sekurangnya satu muka surat setiap hari. Kaedah ini memerlukan kepada pemilihan tiga kertas warna yang berbeza yang dipilih oleh murid sendiri untuk ditulis ayat al-Quran padanya seterusnya dihafal secara satu persatu keratan kertas tersebut (Noor Syafinaz, 2021). Namun begitu, beberapa murid yang mempunyai kecenderungan gaya pembelajaran auditori dan kinestetik tidak dapat meningkatkan prestasi hafazan mereka menggunakan Kaedah Hafazan 3R.

Oleh yang demikian, pengkaji mendapati adalah penting untuk memilih gaya pembelajaran yang sesuai dengan keadaan psikologi individu murid dalam meningkatkan kemampuan menghafal al-Quran. Sebagai contoh bagi sesetengah murid auditori, antara teknik yang berkesan ketika menghafal al-Quran adalah dengan membaca kuat atau keras (Istiyainingsih, 2011). Oleh yang demikian, alat auditori seperti Phone Speech atau audio bacaan al-Quran dalam Halaqah I-VAK dilihat dapat membantu murid auditori untuk menghafal al-Quran.

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah kajian tindakan ini adalah dijalankan mengikut Model Kemmis dan McTaggart (1988).
Rajah 1: Model Kemmis dan McTaggart (1988)



Rajah 1 menunjukkan kitaran empat peringkat kaedah kajian iaitu tinjauan awal, merancang tindakan, melaksanakan tindakan dan memerhati, dan yang terakhir adalah mereflek. Melalui tinjauan awal, iaitu data rekod hafazan harian guru, pengkaji telah mengenal pasti masalah pelajar yang tidak dapat mencapai hafazan sekurang-kurangnya satu muka surat dalam satu hari menerusi model di atas. Pengkaji juga mendapati setiap murid mempunyai cara berbeza serta minat yang berbeza dalam pembelajaran. Hasilnya, kaedah hafazan yang sesuai dibantu dengan alatan yang sesuai mengikut kecenderungan gaya pembelajaran murid iaitu Halaqah I-VAK ini dapat memberi kesan terhadap peningkatan kemahiran menghafal murid. Dengan bimbingan guru terhadap murid secara peribadi menggunakan kaedah hafazan Halaqah I-VAK, akhirnya murid berjaya memenuhi keperluan hafazan satu muka surat satu hari. Kesannya, sikap murid berubah dan semakin bersemangat serta ceria ketika kelas hafazan al-Quran.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bagi memenuhi kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian terhadap rekod data hafazan bulanan murid yang telah direkodkan oleh pengkaji pada setiap hari.

Tinjauan awal telah dibuat melalui kaedah pemerhatian bermula dari awal pembelajaran bagi subjek Hifz Al-Quran bagi murid tingkatan 3, Halaqah Ustazah Noor Syafinaz. Hasil tinjauan telah mendapati sebelum wujudnya Halaqah I-VAK, murid lemah dalam menghafal al-Quran. Maksud lemah adalah tidak mencapai hafazan ayat al-Quran sekurang-kurangnya satu muka surat satu hari bersamaan dengan 20 muka surat dalam masa sebulan secara konsisten pada setiap bulan.


Setelah diwujudkan Halaqah I-VAK dengan kelengkapan alatan yang sesuai mengikut kecenderungan gaya pembelajaran murid yang berbeza, murid telah mula mendapat rentak dalam hafazan dan telah berjaya menghafal sekurang-kurangnya satu muka surat satu hari dan seterusnya berjaya mencapai sasaran sebanyak 20 muka surat dalam masa sebulan bahkan lebih daripada itu. Sebagai guru halaqah, pengkaji perlu mencatat dan merekod data hafazan murid pada setiap hari persekolahan. Secara keseluruhannya, dalam sebulan, terdapat lebih kurang 20 hari persekolahan dan murid perlu menghafal sekurang-kurangnya 20 muka surat dalam sebulan bagi memenuhi rekod data hafazan tersebut.

Jadual 1 menunjukkan 7 orang peserta kajian yang menggunakan kaedah hafazan Halaqah IVAK. Sebelum menggunakan kaedah Halaqah I-VAK iaitu pada bulan Januari 2021, kajian mendapati peserta kajian seramai 7 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar halaqah pengkaji tidak mencapai sekurang-kurangnya 20 muka surat hafazan pada awal rekod tersebut. Namun, setelah menggunakan kaedah hafazan Halaqah I-VAK, bermula bulan Februari 2021, data menunjukkan perubahan yang ketara pada bilangan muka surat hafazan iaitu melebihi 20 muka surat hafazan ayat al-Quran. Hal ini menunjukkan berlaku peningkatan yang mendadak bermula pada bulan Februari 2021. Setelah diteliti data hafazan bulanan yang telah direkodkan, hasil dapatan ini adalah bertepatan dengan objektif kajian ini iaitu meningkatkan kemahiran murid menghafal satu muka surat al-Quran bersamaan 20 muka surat dalam sebulan dengan menggunakan kaedah hafazan Halaqah I-VAK. Jadual 2 menunjukkan gambar perbandingan sebelum dan selepas intervensi bagi kajian ini.

Bil.	Nama Pelajar	Jumlah Muka Surat Yang Dihafal			
		Jan	Feb	Mac	April
1.	A	14	34	38	37
2.	B	11	27	28	28
3.	C	16	28	29	28
4.	E	19	34	37	36
5.	F	12	27	28	29
6.	G	11	27	28	26
7.	H	12	27	28	26

Jadual 1: Bilangan muka surat hafazan peserta kajian bulan Januari hingga April 2021

Jadual 2: Perbandingan hasil kerja murid sebelum dan selepas pengaplikasian Halaqah I-VAK

Pengaplikasian	Hasil Kerja Murid
Sebelum kaedah hafazan Halaqah I-VAK	 <p>13. Bahkan mereka menipakan. "Muhammadlah yang mereka-reka al-Quran itu! Katakanlah, "Maka datangkan sepuluh surah rekahan yang sebandingnya dan panggillah siapa sahaja yang kamu sanggup mengingkarinya, yang len daripada Allah jika betul kamu orang yang benar."</p> <p>14. Oleh itu, jika mereka tidak dapat melaksanakan permintaan kamu, maka ketahuilah bahawa al-Quran itu diturunkan hanyalah menurut perintah Allah, dan bahawa tidak ada tuhan melainkan Allah. Maka adakah kamu mengakui isem dan berserah diri?</p> <p>15. Sesiapa yang berkehendakkan kehidupan dunia dan perhiasannya, maka Kami perlihatkan kepadanya apa yang dia inginkan, dan mereka tidak dikurangkan daripadanya.</p> <p>16. Mereka tidak boleh di akhirat kelak selain daripada neraka, dan gugurlah apa yang mereka lakukan di dunia, dan batallah apa yang mereka telah kerjakan!</p> <p>17. Adakah sama mereka itu dengan orang yang sentiasa mempunyai bukti yang nyata daripada Tuhanmu, dan bacaan al-Quran sebagai saksi daripada-Nya dan sebelum itu, telah ada kitab Musa menjadi ikutan dan rahmat; mereka itu beriman dengannya, dan sesapa antara golongan kafir itu yang ingkar dengannya, maka nerakalah dijanjikan tempatnya. Oleh itu, janganlah kamu ragu-ragu padanya, kerana sesungguhnya al-Quran itu adalah benar daripada Tuhanmu, tetapi kebanyakan manusia tidak percaya kepadanya.</p> <p>18. Dan tidak ada yang lebih zalim daripada orang yang mereka-reka perkara</p>

Selepas kaedah hafazan
Halaqah I-VAK



Semasa aktiviti pengajaran Hifz al-Quran, pengkaji mendapati murid lebih bersemangat dan ceria dalam Halaqah I-VAK. Kaedah hafazan dalam Halaqah I-VAK memberi titik mula rentak baru buat mereka untuk menghafal al-Quran sekurang-kurangnya satu muka surat satu hari. Peningkatan jumlah muka surat hafazan dapat dilihat melalui data yang ditunjukkan. Di samping itu juga, dengan kejayaan ini, murid sentiasa tasmik di awal waktu dan berkesempatan untuk mengulang muka surat yang lama bagi tujuan mengulang hafazan dan persediaan untuk peperiksaan. Hal ini membuktikan bahawa adalah amat penting untuk menggunakan gaya pembelajaran yang sesuai dengan keadaan psikologi individu murid dalam meningkatkan kemampuan menghafal al-Quran sebagaimana bagi sesetengah murid auditori, antara teknik yang berkesan ketika menghafal al-Quran adalah dengan membaca kuat atau keras (Istiyaningih, 2011).

Pendekatan kaedah hafazan Halaqah I-VAK ini memberi makna yang mendalam buat pengkaji dalam usaha untuk meningkatkan hafazan al-Quran anak didik pengkaji. Perilaku murid pengkaji yang berubah dalam halaqah serta bersemangat mendengarkan hafazan al-Quran pada setiap hari menjadikan sesi pengajaran ketika itu lebih positif. Pendekatan kaedah hafazan Halaqah I-VAK ini juga memberi idea yang baru buat pengkaji untuk terus menggali teknik pengajaran hafazan yang sesuai mengikut peredaran semasa.

Penggunaan pendekatan hafazan Halaqah I-VAK ini turut memberi implikasi dalam kurikulum dan memberi nafas baru buat imej sekolah yang berkenaan. Pengajaran yang berkesan dengan penggunaan Halaqah I-VAK dilihat dapat membantu meningkatkan kecemerlangan serta melonjakkan kegemilangan bagi subjek Hifz al-Quran bagi Kurikulum Bersepadu Tahfiz dan Kurikulum Tahfizi Model Ulul Albab (TMUA).

KESIMPULAN DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Secara kesimpulannya, kajian ini mendapati terdapat beberapa kaedah hafazan yang boleh ditambah baik demi kegunaan serta kesesuaian dengan perkembangan ilmu dan peredaran zaman, khususnya dalam bidang al-Quran, bagi membantu pelajar menghafal al-Quran. Sehubungan dengan itu, sebagai guru, kita seharusnya mengenali setiap potensi diri pelajar agar dapat memberi idea terhadap pembentukan suatu intervensi yang baru bagi memenuhi keperluan individu kognitif setiap pelajar. Sebagai guru, amat wajarlah bagi kita untuk cuba merungkai pelbagai teknik dalam pengajaran dan pembelajaran agar dapat disesuaikan dengan keperluan zaman. Kegunaan teknik tradisional tidak harus diabaikan sama sekali namun masih boleh ditambahbaik sesuai dengan keperluan bidang akademik dalam memenuhi tuntutan mengikut Pembelajaran Abad ke-21. Beberapa cadangan dianjurkan bagi kajian ini agar menjadi panduan serta memberikan idea berkaitan kajian yang sama kepada penyelidik-penyelidik yang akan datang. Ia melibatkan aspek pemilihan sampel kajian,

lokasi kajian, alatan kajian dan fasa penilaian kajian. Berikut adalah contoh bagaimana cadangan kajian lanjutan diterangkan dalam bab ini. Kajian ini mengambil sampel kajian seramai 7 orang pelajar perempuan dalam halaqah pengkaji. Kajian yang akan datang dicadangkan agar dapat melibatkan sampel kajian jantina lelaki dari halaqah murid lelaki.

Dalam kajian ini, pemilihan alatan kajian yang digunakan adalah sesuai berdasarkan kepada penilaian pengkaji. Kajian yang akan datang dicadangkan agar dapat menggunakan alatan kajian yang lain yang bersesuaian dengan keperluan pelajar sesuai mengikut arus perubahan zaman.

RUJUKAN

- Abdullah, A. H. (2005). *Sistem pembelajaran dan kaedah hafazan Al-Quran yang efektif: Satu kajian di Kuala Lumpur dan Terengganu*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Wahab, R. (2015). *Gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar kurang upaya tumpuan dan hiperaktif (ADHD)* (Doctoral dissertation). Retrieved from <http://eprints.usm.my/30325/1/ROSHIZA.pdf>
- Darul Quran JAKIM. (2019). *Kaedah hafazan Al-Quran moden Malaysia teras panduan menghafaz Al-Quran*. Selangor: Darul Quran JAKIM.
- DePorter, B., Reardon, M., & Nourie, S. (2010). *Quantum teaching: Memperaktikkan quantum learning di ruang-ruang kelas*. Bandung: Kaifa.
- Ciotti, G. (2014). *Color psychology: How colors influence the mind (The psychology of color in persuasion)*. Smithsonian: Ms. 23.
- Istiyaniingsih. (2011). *Upaya meningkatkan kemampuan menghafal huruf hijaiyah melalui metode reading aloud di kelas I MI Gubung Cepogo Boyolali tahun pelajaran 2010/2011* (Master's thesis). Fakultas Tarbiyah, Institut Agama Islam Negeri Walisongo, Semarang.
- Noor Syafinaz. (2021). Meningkatkan kemahiran murid menghafal ayat Al-Quran menggunakan kaedah 3R: Read, Repeat, Remember. In *Kompilasi kajian tindakan guru-guru Sekolah Menengah Kebangsaan Agama dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan, Kementerian Pendidikan Malaysia* (Vol. 3, pp. 34–44). Selangor, Malaysia: Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Russel, L. (2011). *Accelerated learning fieldbook: Panduan pembelajaran cepat*. Bandung: Nusa Media.
- Abu, S. B., & Jaafar, Z. (2016). *Pendidikan Islam dan cabaran globalisasi: Keberkesanan kaedah hafazan Stifin di SMKA Dato' Haji Abu Hassan Haji Sail, Pedas, Negeri Sembilan (SEMADAH)*. Kuala Lumpur: Program Pendidikan Islam.
- Ariffin, S., & Wahidah, S. S. (2014). *Kajian metodologi hafazan Al-Quran*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ariffin, S. (2011). *Keunikan metode-metode hafazan Al-Quran di dunia: Suatu tinjauan terhadap kaedah di Malaysia, India, Pakistan, Arab Saudi, Indonesia, dan Turki*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Kemmis, S., & McTaggart, R. (1988). *The action research planner*. Victoria, Australia: Deakin University Press.
- Kenneth, D., & Dunn, R. (1984). *Teaching students through their individual learning styles*. St. John's University, Jamaica.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Surat pekeliling ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia bilangan 1: Garis panduan pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab di sekolah menengah Kementerian Pendidikan Malaysia* (No. Surat: KP/KPPM/6 Jld.2 (19)).